



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 02/08

MENTERI PERTAHANAN BERI TUMPUAN KEPADA ASPEK KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN WARGA DI SARAWAK

1. **KUCHING, 8 Ogos 2024 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin (YB MENHAN)** telah mengadakan lawatan kerja ke Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD) seusai sesi kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg di Wisma Bapa Sarawak, hari ini.
2. Semasa lawatan, YB MENHAN bersama Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan telah menerima **taklimat eksekutif** berkaitan dengan kesiagaan pasukan termasuk tugas-tugas operasi dalam memastikan keselamatan dan pertahanan di seluruh Negeri Sarawak terutamanya sempadan Negara.
3. YB MENHAN juga menerima **taklimat berkenaan senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)** di Kem Penrissen oleh Pegawai Memerintah 91 Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Angkatan Tentera (91 UPKAT), Kolonel Mohd Radzuan bin Mohamad Ibrahim semasa melawat ke kawasan Blok G59. Projek senggaraan di Blok G59 adalah meliputi kerja-kerja pengubahsuaian dari rumah dua unit kepada satu unit, peningkatan mekanikal dan elektrik serta pengubahsuaian bumbung bersama infrastruktur melalui peruntukan senggaraan RKAT di bawah PMTTD Tahun 2024 sebanyak RM37,169,473.20.
4. Kemudiannya, YB MENHAN turut **menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada anggota iaitu Lans Koperal Lawrence anak Andeh yang merupakan penghuni di Blok G15 juga mengalami masalah Kesihatan** iaitu saluran darah otak pecah (Ruptured Anterior Communicating Artery Aneurysm) setelah mengalami sawan dan tidak sedarkan diri semasa bertugas di dalam Operasi MERPATI pada tahun 2020.
5. Melalui Majlis Ramah Mesra, YB MENHAN juga telah menyampaikan **Sumbangan Kebajikan berupa bantuan secara one-off sebanyak RM 300.00 kepada 45 orang anggota dan keluarga** yang mempunyai penyakit kronik. Mereka terdiri daripada 23 anggota, 8 isteri dan 14 orang anak warga Tentera Darat yang bertugas di bawah PMTTD. Selain itu, **sumbangan pendidikan kepada 10 orang pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) ATM** yang melanjutkan pelajaran juga disampaikan. Melalui bantuan ini, mereka menerima bantuan secara one-off sebanyak RM 300.00.

6. Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Datuk Seri Isham bin Ishak; Panglima Medan Timur Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Mohd Sofi bin Md Lepi, Panglima 1 Divisyen, Mejaz Jeneral Datuk Mohamed Fauzi bin Kamis; Panglima 5 Divisyen, Mejaz Jeneral Datuk Malek Razak bin Sulaiman dan Pegawai-Pegawai Kanan TDM.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

8 Ogos 2024